

25/11/1997

MCA nasihat ahli melancong dalam negeri

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua ahli MCA yang bercadang bercuti ke luar negara dinasihatkan mengubah rancangan mereka, dengan menumpukan perhatian ke destinasi pelancongan tempatan.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ahli MCA juga perlu mematuhi nasihat kerajaan yang sedang bekerja keras menangani masalah ekonomi.

"Saya merayu ahli MCA supaya jangan hanya memikirkan Phuket, Haadyai, Bali tetapi ingatkanlah Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Pinang, Perhentian, Redang, Kundasang, dan banyak lagi tempat yang indah di Malaysia.

"Adalah lebih baik kita menggunakan ringgit yang ada untuk mengkayakan rakyat dalam negeri sendiri," kata mengulas kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai keputusan Majlis Tertinggi Umno supaya pemimpin parti di semua peringkat tidak bercuti ke luar negara tahun ini, sebaliknya digalakkan bercuti ke destinasi pelancongan tempatan.

Keputusan itu selaras dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menasihatkan rakyat supaya mengambil pelbagai langkah berjimat cermat dan mengelak pembaziran dalam usaha membantu kerajaan menangani kemelut ekonomi dan krisis mata wang yang berlaku sekarang.

Ketika memberi penjelasan semalam, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik berkata keputusan berkenaan hanya membabitkan ahli yang mempunyai niat untuk bercuti saja.

Dr Ling berkata, nasihat itu hanya untuk mereka yang ingin bercuti sahaja, manakala bagi ahli perniagaan, perjalanan ke luar negara untuk tujuan perdagangan tidak akan disekat.

"Kita tidak mahu bertindak terlalu tegas, kerana secara tidak langsung ialah boleh memberi kesan kepada Penerbangan Malaysia (MAS) dan kita juga tidak mahu pesawat kita kosong tanpa penumpang," katanya.

Di KOTA KINABALU Parti Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (AKAR) menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya pemimpin Umno di semua peringkat tidak bercuti di luar negara dengan menegaskan ia sewajarnya turut dipatuhi oleh semua pemimpin parti politik.

Presidennya, Datuk Pandikar Amin Mulia, berkata arahan itu walaupun hanya ditujukan kepada pemimpin Umno, ia seharusnya turut menjadi keutamaan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) lain, kerana ia dapat membantu usaha kerajaan mengelakkan pengaliran keluar tukaran wang.

(END)